

CNS7995

R GB 05-07-00221 BA982

aab

Mahathir-Australia

Dar-i pada Abdul Rahman Sulaiman

NADI (Fiji), 5 Julai (Bernama) -- Malaysia tidak akan menghormati mana-mana negara atau masyarakat yang bercakap bohong atau berkata yang jahat terhadap negara lain bagi kepentingan sendiri, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau memberitahu persidangan akhbar bahawa Malaysia tidak akan berdiam diri dan memberi senyuman sekiranya ia dijadikan sasaran perbuatan jahat seperti itu.

+Mereka tidak seharusnya marah apabila kita membantah dengan cara kita sendiri,+ katanya kepada pertanyaan oleh seorang wartawan Australia mengenai hubungan semasa antara Malaysia dan Australia.

Perdana Menteri berkata: +Seberapa banyak yang mereka sangyup mengata terhadap kita dan menyangkutkan kita tersenyum, mereka sepatutnya bersediala menerima kata-kata balas terhadap mereka at-ou tindakan yang sama terhadap mereka.+

Hubungan antara Malaysia and Australia sejak kebelakangan ini didingin , berikutan apa yang dikatakan oleh media barat sebagai perasaan tidak senang Malaysia berikutan penayangansatusiri program tv menerusi Australian Broadcasting Corporation (ABC ) yang menimbulkan kemarahan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun amat mudah mengatakan kerajaan Australia tidak adakaitan dengan program itu kerana ia menghormati kebebasan akhbar dan dengan itu tidak dapat mempengaruhi ABC, kerajaan Australia bagaimanapun telah membidas stesen itu apabila ia menyiarkan liputan yang pro-Saddam Hussein semasa Perang Teluk lepas. -- lagi

♥05/07/14-55MST

CNS8027

R EB 05-07 00207 BH386

aab

Mahathir-Australia 2 Nadi

Walaupun, katanya , kerajaan Australia pernah pada satu ketika menyifatkan masyarakat Malaysia sebagai tidak bertamadun.

Mengenai minyak mentah Malaysia yang dibeli oleh Fiji pada kadar 10,000 tong sehari , Perdana Menteri berkata beliau bersedia menimbangakan menambah bekalan itu tetapi ia bergantung kepada keupayaan pengeluaran Malaysia.

Pada masa ini, Malaysia tidak dapat meningkatkan pengeluaran berjumlah 650,000 tong sehari kerana ia perlumematuhi dasar penjimatan dengan tegas.

Katanya, daripada keseluruhan pengeluaran harian, hanya sejumlah kecil adalah untuk pasaran eksport .

Beliau menafikan anggapan yang dikatakan berpunca daripada syarikat-syarikat minyak pelbagai negara disini yang tidak puas hati dengan pembelian minyak mentah Malaysia oleh Fiji dengan mendakwa ia bermutu rendah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata minyak mentah Malaysia adalah bermutu tinggi kerana ia bebas daripada kandungan sulfur atau kotoran lain.

+Kita sentiasa menjual dengan harga yang tinggi. Malahan semasa berlebihan minyak, kita tidak menghadapi masalah untuk menjual minyak kita,+ katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri, yang berada di sini untuk lawatan 24 jam Ketika dalam perjalanan pulang ke tanah air selepas lawatan ke negara-negara Amerika Latin, berbincang dengan rakan sejawatannya, Ratu Sir Kamisesse Mara di tempat penginapannya di sebuah hotel disini.--lagi

♥05/07/15-33MST

CNS8045

R GB 05-07 00220 BH387

aab

Mahathir-Australia 3 Nadi

Perdana Menteri Fiji itu dan beberapa anggota kabinetnya terbang khas ke sini dari Suva untuk menemui Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau memberi taklimat kepada Perdana Menteri Fiji mengenai hasil lawatannya itu, terutama mengenai cadangan membuka laluan selatan melibatkan hubungan udara dan laut antara Asia Tenggara dan Amerika Selatan.

Katunya Ratu Kamisesemara menyambut baik cadangan itu yang antara lain berhasrat menggunakan Fiji sebagai tempat persinggahan.

Katanya, Fiji akan mendapat manfaat daripada cadangan ini yang kini pada peringkat rundingan, kerana ia dapat membeli makanan termasuk buah-buahan dari Amerika Latin ataupun menjual barangannya ke negara-negara berkenaan.

Mengenai kerjasama Selatan-Selatan, Perdana Menteri berkata beliau tidak bermotif lain dalam memperkenalkan idea itu kecuali untuk menggembangkan satu suara bersama pada rundingan dagangan pelbagai hala untuk mendapat perhatian negara-negara maju.

Katanya adalah juga menjadi dasar Malaysia untuk membantu negara-negara membangun yang miskin kerana negara sedemikian biasanya menimbulkan masalah kepada negara jiran.

Sebagai contoh, masalah pelarian Vietnam dirasai oleh negara-negara jiran seperti Malaysia semasa mereka lari meninggalkan negara asal untuk mencari kehidupan yang lebih baik di tempat lain.

Perdana Menteri berkata malahan di Eropah barat kini masyarakat merasa bimbang kemungkinan kemasukan beramai-ramai 30 juta rakyat Russia sekiranya itemiskinan bertambah buruk di negara itu. -- lagi

♥05/07/15-54MST

CNS8057

R GB 05-07 00165 BH388

aab

Mahathir-Australia 4 Nadi

+Dalam keadaan seumpama itu, adalah untuk kepentingan kita juga membantu negara-negara miskin menjadi kaya,+ katanya.

Perdana Menteri dan rombongannya tiba awal pagi tadi selepas penerbangan 15 jam dari Mendoza setelah lawatan empat hari ke Argentina.

Beliau singgah tiga jam di Kepulauan Easter di mana keluarga seorang nelayan Chile berusia 36 tahun, yang mencipta sejarah penerbangan udara selepas berjaya menjalani pembedahan par-u-par-u dalam pesawat Penerbangan Malaysia dari pulau itu ke Santiago pada 18 Jun, dengan terharu mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Mereka mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana membenarkan penggunaan pesawat itu untuk menghantar pesakit itu, Francisco Haoa, dan pakar sakit jantung Malaysia, Dr Zainal Hamid yang melakukan pembedahan itu.

Mereka juga menyampaikan hadiah kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan Dr Zainal.

Perdana Menteri dan rombongannya di jadualkan berlepas dari sini pada tengah malam waktu tempatan dan tiba di Kuala Lumpur pada pukul 6.30 pagi esok. -- Bernama

♥05/07/16-10MST